



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 10 TAHUN 1984

PERATURAN DAN TINDAKAN KE ATAS PEGAWAI DAN
KAKITANGAN KERAJAAN YANG TERLIBAT DENGAN
PENAGIHAN DADAH

1. Tujuan

Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk menyampaikan keputusan Kerajaan mengenai tindakan yang perlu diambil ke atas pegawai dan kakitangan Kerajaan yang terlibat dengan penagihan dadah.

2. Rawatan dan Pemulihan kepada Penagih-penagih Dadah

2.1 Di bawah Akta Penagihan Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 (Akta 283), penagih-penagih dadah boleh dimasukkan ke pusat pemulihan dengan:

- (i) perintah Mahkamah;
- (ii) cara sukarela, iaitu penagih dadah sendiri memohon untuk menjalani rawatan dan pemulihan.

2.2 Ketua-ketua Jabatan juga boleh melaporkan kepada mana-mana Pegawai Pemulihan atau mana-mana Pegawai Kebajikan Masyarakat atau mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah dari Sarjan atau mana-mana pegawai penjaga balai polis, mengenai pegawai dan kakitangan mereka yang disyaki terlibat dengan penagihan dadah.

3. Dasar dan Peraturan Baru mengenai Masalah Dadah

3.1 Kerajaan telah memutuskan bahawa dasar dan peraturan-peraturan berikut hendaklah dikuatkuasakan:

(i) Calon-calon yang akan dilantik

Tiap-tiap seorang calon yang akan dilantik ke perkhidmatan awam hendaklah mengangkat sumpah di bawah Akta Akuan Berkanun 1960 bahawa "ianya bukan penagih dadah";

(ii) Pegawai dan Kakitangan dalam percubaan

Pegawai dan kakitangan dalam percubaan bagi lantikan pertama akan ditamatkan perkhidmatan mereka di bawah

Perintah Am 58, Perintah-perintah Am Bab A (Lantikan dan Kenaikan Pangkat) 1973 sekiranya mereka didapati terlibat dengan penagihan dadah;

(iii) *Pegawai dan Kakitangan yang telah disahkan dalam jawatan*

(a) Pegawai dan kakitangan Kerajaan yang memohon cara sukarela untuk menjalani rawatan dan pemulihan di pusat pemulihan boleh diberi cuti separuh gaji selama mereka berada di pusat pemulihan, dengan syarat bahawa rawatan dan pemulihan itu adalah buat kali yang pertama;

(b) Pegawai dan kakitangan Kerajaan yang dihantar ke pusat pemulihan dengan perintah Mahkamah:

(i) akan diberi cuti tanpa gaji selama tempoh menjalani rawatan dan pemulihan di pusat pemulihan;

(ii) tidak akan diberi kenaikan gaji selama tempoh menjalani rawatan dan pemulihan di pusat pemulihan;

(iii) akan dibayar gaji atas kadar yang diterima sebelum masuk ke pusat pemulihan sekembalinya mereka bertugas semula selepas menjalani rawatan dan pemulihan;

(c) Pegawai dan kakitangan yang didapati menagih dadah semula selepas menjalani rawatan dan pemulihan di pusat pemulihan, atau dengan cara pengawasan, termasuk mereka yang pernah menjalani rawatan dan pemulihan di pusat pemulihan atau secara pengawasan sebelum Pekeliling ini dikeluarkan, boleh diambil tindakan tata tertib di bawah Perintah Am 36, Perintah-perintah Am Pegawai Awam (Kelakuan dan Tata tertib) 1980 dengan tujuan dibuang kerja;

(d) Pegawai dan kakitangan yang meninggalkan pusat pemulihan tanpa kebenaran sebelum tamat tempoh rawatan dan pemulihan atau gagal mematuhi perintah pengawasan, boleh diambil tindakan tata tertib seperti dinyatakan di perenggan kecil (c) di atas.

(iv) *Pegawai dan Kakitangan yang telah pulih dari penagihan dadah*

Pegawai dan kakitangan yang telah pulih dari penagihan dadah hendaklah diberi tugas dan tanggungjawab yang sama seperti sebelum mereka terlibat dengan penagihan dadah. Sekiranya prestasi mereka didapati menurun, pegawai dan kakitangan yang berkenaan hendaklah dilaporkan kepada pegawai perubatan untuk menentukan sama ada mereka boleh diberi tugas dan tanggungjawab yang sama seperti sebelum mereka menagih dadah.

4. Pemakaian Pekeliling Perkhidmatan ini

4.1. Pekeliling Perkhidmatan ini adalah berkuatkuasa mulai daripada tarikh ianya dikeluarkan.

4.2. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, maka :

- (i) Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1976 bertarikh 11-9-1976; dan,
- (ii) Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1979 bertarikh 6-7-1979

adalah dibatalkan.

4.3. Pegawai dan kakitangan yang sedang menerima rawatan dan pemulihan di pusat-pusat pemulihan atau mereka yang sedang menjalani rawatan dan pemulihan di bawah pengawasan seorang pegawai pemulihan pada tarikh Pekeliling Perkhidmatan ini dikeluarkan, adalah juga tertakluk kepada dasar dan peraturan-peraturan yang terkandung di dalam Pekeliling ini.

5. Pindaan kepada Perintah Am 23 (a) Bab A, 1973 dan Perintah Am 16 Bab C, 1974

5.1. Adalah dimaklumkan bahawa pindaan-pindaan akan diperlakukan kepada Perintah Am 23 (a) Bab A 1973 dan Perintah Am 16 Bab C, 1974, untuk memasukkan dasar yang terkandung pada perenggan 3.1. (i) dan perenggan 3.1. (iii) (a), (b) di atas, dengan kuatkuasa kebelakangan, iaitu mulai daripada tarikh berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini.

(TAN SRI OSMAN S. CASSIM)

*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia*

25 Oktober 1984.

Ketua-ketua Setiausaha Kementerian,
Ketua-ketua Jabatan Persekutuan,
Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri.

s.k. Pihak Pengurusan Badan-badan Berkanun Persekutuan dan Negeri.

Pihak Pengurusan Kuasa-kuasa Tempatan.

Pihak Pengurusan Perbadanan-perbadanan Awam Persekutuan dan Negeri.